

02/01/1997

Mahathir, Mohamad ceriakan 1997

KUALA TERENGGANU, Rabu - Ibu bapa bayi kembar lelaki yang lahir pada hari pertama tahun baru di sini, menamakan anak mereka Mahathir dan Mohamad, sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Kuala Terengganu, hari ini.

Pasangan kembar itu yang lahir pada jam 8.17 dan 8.27 pagi, adalah di antara 18 bayi yang dilahirkan di Hospital Kuala Terengganu.

Ibu bayi kembar itu, Kamariah Hamzah, 33, dari Kampung Felda Tersat di Hulu Terengganu, berkata kelahiran bayi kembar itu menambah bilangan keluarga mereka kepada tujuh orang.

"Kami bercadang menamakan pasangan kembar itu, Mahathir dan Mohamad kerana Perdana Menteri berada di Terengganu untuk melancarkan Tahun Melawat Terengganu 1997," katanya.

Berat Mahathir dan Mohamad masing-masing 2.1 kg dan 2.4 kg dan keduanya berada dalam keadaan sihat.

Di KUALA LUMPUR, 37 bayi tahun baru termasuk 18 perempuan dilahirkan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) sejak jam 12 tengah malam hingga 2 petang ini.

Di SELANGOR, 42 bayi dilahirkan di lima hospital dalam tempoh 14 jam hari pertama tahun baru.

Dua puluh tujuh bayi dilahirkan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), lima di Hospital Daerah Banting, empat di Hospital Daerah Sabak Bernam dan tiga di Hospital Daerah Tanjung Karang serta di Pusat Perubatan Subang.

Di KUCHING, lapan bayi dilahirkan di Hospital Umum Sarawak (HUS), di antara jam 12 tengah malam dan 2 petang, iaitu lima bayi perempuan dan tiga lelaki.

Jurucakap HUS berkata, bayi pertama Tahun Baru berketurunan Bidayuh seberat 2.55 kilogram, dilahirkan pada kira-kira jam 1.08 pagi.

Di MELAKA, Hospital Melaka mencatatkan jumlah kelahiran tertinggi dengan 13 bayi, termasuk empat perempuan.

Jurucakap Hospital Melaka ketika dihubungi, berkata bayi lelaki pertama dilahirkan kira-kira jam 12.34 pagi.

Di ALOR STAR, seramai 26 bayi dilahirkan dalam tempoh sembilan jam tahun baru di tiga hospital di negeri ini, hari ini.

Di Hospital Alor Star (HAS), di sini, sembilan bayi termasuk lima perempuan dilahirkan.

Di SUNGAI PETANI, seramai 13 bayi termasuk tujuh perempuan dilahirkan di Hospital Sungai Petani (HSP).

Bayi pertama ialah bayi perempuan seberat 2.55 kilogram dilahirkan S Pachiamah, 22, pada jam 12.29 pagi.

Di IPOH, 11 bayi termasuk seorang bayi Orang Asli dilahirkan di Hospital Ipoh (HI) di sini, sehingga 2 petang ini.

(END)